

AKTA KOPERASI DAN APLIKASINYA DALAM  
PENGURUSAN KOPERASI SEKOLAH MENENGAH  
DAERAH MUAR, JOHOR:  
SATU TINJAUAN

GHUMAT BIN KAMDI

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

106487



106487

## **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan untuk melihat pertama, peratusan guru koperasi yang faham tentang Akta Koperasi. Kedua, peratusan koperasi yang patuh kepada Akta Koperasi. Ketiga, hubungan antara kefahaman guru koperasi dengan kepatuhan terhadap Akta Koperasi dan keempatnya, meninjau beberapa aspek beban guru koperasi dan hubungannya dengan kepatuhan kepada Akta. Kaedah tinjauan diguna untuk kajian ini. Borang soal selidik diedarkan kepada 46 orang responden yang terdiri daripada bendahari, setiausaha dan pengurus 21 buah koperasi sekolah menengah di daerah Muar. Data dianalisis menggunakan kaedah peratusan dan Pekali Korelasi Pearson. Hasil kajian menunjukkan hanya 67.7% guru koperasi faham tentang Akta, 57.1% koperasi patuh kepada Akta dan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kefahaman dengan kepatuhan terhadap Akta. Akhir sekali, hasil kajian mendapati hanya faktor ganjaran guru koperasi mempunyai hubungan yang signifikan terhadap kepatuhan kepada Akta Koperasi.

## BAB I

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Koperasi sekolah telah wujud di Malaysia sejak tahun 1968. Memandangkan ~~kehilangan~~ yang boleh didapati dalam gerakan koperasi maka persetujuan telah dibuat untuk memperkenalkannya pula kepada pelajar sekolah. Peringkat awal ~~pembubuhannya~~ menyaksikan pelbagai masalah yang dihadapi seperti modal, lokasi ~~pembiagaan~~, jenis perniagaan, persaingan, kurang kemahiran, kesukaran mendapatkan bekalan dan sebagainya. Namun, semua masalah tersebut kini sudah ~~dapat diatasi~~ dan koperasi sekolah telah mula memperlihatkan perkembangan yang ~~amat menggalakkan~~. Pelbagai aktiviti ekonomi telah dijalankan. Manakala dari sudut sosial pula koperasi sekolah telah terlibat dalam memberikan sumbangan ~~kecawangan~~ kepada persatuan ibu bapa dan guru (PIBG), badan-badan atau persatuan, ~~mencantikkan~~ kawasan sekolah, membuat tempat-tempat letak kereta dan ~~sebagainya~~.

Tumpuan kerajaan terhadap koperasi sekolah bukan sahaja bertujuan untuk mewujudkan barisan pelapis yang akan mengantikan generasi koperator sekarang tetapi yang lebih penting ialah menyemai dan memupuk nilai-nilai asas berkoperasi yang tersirat di sebalik konsep, falsafah dan semangat koperasi dalam amalan kehidupan generasi muda. Nilai-nilai asas ini adalah berteraskan kepada nilai ~~humanusian~~ sejagat yang menjurus kepada pembentukan perilaku dan peribadi diri sendiri, organisasi dan masyarakat.

Koperasi sekolah juga merupakan asas latihan yang baik untuk mewujudkan unsur-unsur kepimpinan, kewibawaan dan kemasyarakatan kerana dalam mengendalikan tanggungjawab pengurusan perniagaan risiko dan membuat keputusan, faktor-faktor kebijakan bersama diutamakan seperti tanggungjawab dan etika-etika perniagaan.

Jabatan Pembangunan Koperasi (JPK) berperanan untuk menentukan koperasi sekolah berkembang dengan baik, teratur dan bergerak atas landasan prinsip-prinsip sendiri menuju ke arah pembangunan rakyat melalui penglibatan koperasi dalam pelbagai aktiviti yang menguntungkan.

Pada umumnya, keahlian koperasi sekolah terdiri daripada para pelajar, guru, kakitangan dan sekolah itu sendiri. Pengetua sesebuah sekolah merupakan pengerusi koperasi sekolahnya.

Perkara utama dalam pengurusan koperasi sekolah ialah menjalankan perniagaan, menyediakan buku-buku akaun dan penyata kewangan pada akhir tahun kewangan serta mematuhi peruntukan-peruntukan Akta Koperasi, 1993. Selain daripada aktiviti ekonomi dan perniagaan koperasi, ahli-ahli lembaga juga bertanggungjawab untuk mengendalikan projek sosial untuk ahli-ahlinya.

## 1.2 Pernyataan Masalah

Dalam pentadbiran dan pengurusan jawatan utama seperti pengerusi, setiausaha dan bendahari dipilih daripada kalangan guru yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman akademik yang sesuai dan memuaskan.

Masalah pentadbiran dan pengurusan koperasi masih dianggap tidak beres oleh Jabatan Pembangunan Koperasi. Di Muar misalnya, Jabatan Pembangunan Koperasi melaporkan kepatuhan koperasi sekolah kepada Akta Koperasi, 1993 (Akta 502) dalam menyediakan minit mesyuarat dalam tempoh 30 hari hanya sekitar 35% ,